

# Hospital di Gaza guna 'besi buruk' rawat pesakit

Berita Harian Pilihan 31 JUL 2010 24/33  
Peralatan diterima dari Jerman Timur 30 tahun lalu

Laporan

Wan Faizal Ismayatim

Gambar

Zahari Zakaria

Di Gaza, Palestin



Dr Khaleel About Foul

## Siri akhir

**T**EMBOK Berlin sudah 21 tahun runtuh dan Jerman Barat serta Jerman Timur bersatu semula, namun masih ada hospital di Palestin sehingga kini menggunakan peralatan dan mesin yang dibeli dari Jerman Timur. Ketika keperluan rawatan dan perubatan penduduk Palestin di Gaza sangat mendesak selepas wilayah itu teruk dibedil Israel 18 bulan lalu, pada masa sama kemudahan sedia ada pula sudah lapuk.

Malah, tidak keterlaluan jika dikatakan peralatan di beberapa hospital di Gaza ketika ini sepatutnya sudah boleh dijadikan besi buruk.

Sebahagian besar hospital di Palestin termasuk di Gaza diberi kepercayaan oleh Kementerian Kesihatan negara itu untuk dikendalikan Persatuan Bulan Sabit Merah Palestin (PRCS).

Di Gaza, ada lima hospital di bawah kendalian PRCS yang menyediakan perkhidmatan kepada 1.5 juta penduduknya ketika ini yang berdepan pelbagai masalah terutama kekurangan kemudahan dan pakar.

Hospital Al Amal dalam daerah Khan Younis, misalnya beroperasi tanpa Unit Rawatan Rapi (ICU) dan Unit Radiologi yang sudah

menyediakan keperluan kesihatan wanita, kanak-kanak dan orang tua selain membuka farmasi dan keperluan perubatan asas di PRCS Rafah.

"Kami juga mengharapkan bantuan pelbagai pihak untuk membeli peralatan perubatan termasuk mesin X-ray dan makmal," katanya.

Menurut Dr Samir, kemudahan perubatan di Rafah agak ketinggalan berbanding hospital lain di Gaza kerana kedudukannya jauh dari bandar sedangkan keperluan itu penting memandangkan penduduknya padat.

Hospital Al-Quds berdekatan bandar Gaza pula memerlukan bantuan kepakaran kerana

ditutup sejak beberapa tahun lalu kerana peralatan sedia ada tidak boleh digunakan.

Malah, ia juga tidak dapat diperbaiki kerana syarikat pengeluar peralatan itu dari Jerman Timur tidak lagi wujud di samping ada juga mesin yang berkarat serta langsung tidak boleh diselamatkan.

Ia menyebabkan pengurusan hospital itu tidak menerima pesakit yang parah dan mengalami patah anggota badan kerana mereka tidak dapat ditempatkan di ICU serta tidak boleh menjalani ujian X-ray bagi mengenal pasti anggota badan yang patah.

Sebaliknya, pesakit bagi kes seperti itu diminta ke hospital lain di Gaza yang rata-rata turut berdepan pelbagai masalah seperti kekurangan pakar dan peralatan.

Pengarah Urusan Hospital Al-Amal, Dr Wael S Mekky, berkata mesin untuk kegunaan ICU dan Unit Rawatan Jantung (CCU) hospital berkenaan adalah peralatan terpakai berusia 30 tahun yang disumbangkan sebuah hospital di Jerman, kira-kira 15 tahun lalu.

“Oleh kerana berdepan pelbagai cabaran dan kekangan kewangan serta tidak mampu membeli peralatan baru, kami mengambil keputusan menutup ICU dan Unit Radiologi sejak beberapa tahun lalu,” katanya.

Isu sama turut dihadapi di Rafah yang terletak bersempadan Mesir dengan kira-kira 140,000 penduduk, satu pertiga daripadanya ialah pelarian akibat peperangan.

PRCS Rafah yang mengendalikan perkhidmatan kesihatan dan perubahan kepada penduduk juga memerlukan sumbangan daripada masyarakat dunia agar keperluan kesihatan penduduknya dapat dipertingkatkan.

Ketua PRCS Rafah, Dr Samir Kishta, berkata peralatan sedia ada sudah jauh ketinggalan dan tidak mampu menampung keperluan kesihatan penduduknya yang mendesak terutama selepas serangan Israel 18 bulan lalu.


“Kami berharap Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) dapat membantu mendapatkan sumbangan rakyat Malaysia bagi

doktor dan pegawai perubatan kurang berpengalaman sehingga banyak kes dirujuk ke hospital di Kaherah untuk rawatan susulan.

Hospital Al-Quds yang turut musnah sebahagian bangunannya akibat dibedil rejim Zionis 18 bulan lalu, masih kekurangan dari segi peralatan moden dan ubat walaupun secara fizikalnya ia sudah dibaik pulih sepenuhnya.

Ketua Unit Pengurusan Bencana PRCS, Dr Khaleel Abou Foul, berkata ketika diserang Israel, ada beberapa pesakit di Hospital Al-Quds meninggal dunia kerana tidak diberikan rawatan kecemasan segera kerana kekurangan ubat dan peralatan.

“Keperluan kesihatan sangat mendesak dan PRCS sentiasa mencari jalan untuk meningkatkan kemudahan dari segi ubat dan peralatan Hospital Al-Quds kerana sebelum ini



PETUGAS mengendalikan tempat simpanan ubat di I

ramai pesakit dan mangsa peperangan terpaksa keluar untuk mendapatkan rawatan.

"Lebih malang, ada yang meninggal dunia ketika belum sempat dirawat. Sebab itu kami memerlukan bantuan pelbagai pihak dalam menyediakan peralatan dan kemudahan lebih baik supaya pesakit tidak perlu lagi dirujuk ke Kaherah," katanya.

Dr Khaleel berkata, PRCS juga berharap universiti dan hospital di Malaysia dapat menyediakan latihan kepada doktor dan pegawai perubatan di Gaza bagi memastikan mereka mempunyai kumpulan pakar secukupnya.

Bagaimanapun, cuma Hospital PRCS di Jabaliyah, utara Gaza, boleh dianggap terbaik selepas kerja membaiki pulih bangunan tiga tingkat itu yang musnah teruk dibedil rejim Zionis, siap sepenuhnya tiga minggu lalu.

Kemudahan sedia ada cukup untuk memberikan keperluan kesihatan dan perubatan

asas kepada penduduk utara Gaza yang kebanyakannya tinggal di kawasan bersempadan dengan Israel.

Sementara itu, penilaian yang dibuat delegasi PBSM diketuai Naib Pengerusi Kebangsaannya, Datuk Wira Dr Bahari Abu Mansor, merumuskan penduduk Gaza memerlukan sekurang-kurangnya RM16 juta bagi memenuhi keperluan kesihatan, membeli peralatan baru

#### FAKTA NOMBOR

# RM16 juta

Diperlukan bagi memenuhi keperluan kesihatan, beli peralatan perubatan untuk penduduk Gaza

serta meningkatkan kepakaran dalam bidang perubatan.

Beliau berkata, PRCS sudah mengemukakan butiran terperinci berhubung permohonan bagi mendapatkan sokongan dan bantuan kerajaan serta rakyat Malaysia dalam menyediakan kemudahan itu kepada 1.5 juta penduduk Gaza.

"Jumlah itu diperlukan untuk memenuhi keperluan kesihatan penduduk Gaza yang paling asas di samping meningkatkan kemudahan hospital yang hampir semuanya beroperasi serba kekurangan dengan menggunakan peralatan lapuk berusia lebih 20 tahun.

"Rakyat Malaysia dan mana-mana pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berhasrat memberi sumbangan boleh berhubung terus dengan PBSM bagi membolehkan kita menyalurkannya kepada penduduk Gaza melalui PRCS," katanya.




Pusat Kesihatan PRCS Jabaliyah.



DR BAHARI melawat Ramez al-Haj yang terkena serpihan deluru kereta kebal Zionis lima tahun lalu.





GUDANG PRCS di Gaza musnah akibat pencerobohan tentera Israel 18 bulan lalu.

# Sukarelawan Palestin teringin lawat Malaysia

**H**AITHAM Adnan, 26, tertunduk sayu sebaik diajukan pertanyaan bila beliau akan ke Malaysia. Sukarelawan Persatuan Bulan Sabit Merah Palestin (PRCS) itu cuma mampu menggelengkan kepala.

“Sepanjang hidup, saya tidak pernah keluar dari Gaza, apa lagi keluar negara. Cuma di sinilah tempat saya. Sekatan terhadap penduduk Gaza menyebabkan saya tidak dapat ke mana-mana,” katanya.

Timbul rasa simpati di hati penulis. Bertuahnya menjadi rakyat Malaysia, bebas ke mana saja di dalam atau ke keluar negara bila-bila masa tanpa halangan.

Namun, nasib dua rakannya, Aziz Abo Aisha, 24, dan Sobhi Shakaliah, 25, lebih baik kerana mereka pernah ke Itali mengikuti kursus pengurusan bencana anjuran Persatuan Bulan Sabit dan Palang Merah Antarabangsa, beberapa bulan lalu.

Dengan bersemangat, Aziz menceritakan pengalamannya di negara orang buat pertama kali sepanjang hayatnya. Beliau menggunakan kesempatan itu bergambar sepuas mungkin kerana peluang sebegitu entah bila akan tiba lagi.

“Di Itali, saya langsung tak tidur. Rugi jika tidak menikmati keindahan pergunungan di bandar Avezzano dan mandi laut. Peluang seperti itu bukan datang selalu dan mungkin juga kali pertama dan terakhir.

“Saya juga mengambil kesempatan bergambar sebanyak mungkin di tempat menarik di Itali seperti di Rome,” kata Aziz yang menjadi pemandu pelancong ketika kunjungan penulis yang mengikuti rombongan misi kemanusiaan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) ke Gaza dari 16 hingga 19 Julai lalu.

Aziz yang fasih berbahasa Inggeris secara berjenaka meminta penulis dan rakan media



Sobhi Shakaliah



Aziz Abo Aisha

“

*Ketika serangan 22 hari Israel terhadap Gaza pada Disember 2008 dan Januari 2009, penduduk yang cedera hanya mampu merayu-rayu di sempadan Rafah untuk keluar mendapatkan rawatan, namun usaha itu tidak berhasil kerana sempadan tidak langsung dibuka”*

bangsa berikutan serangan komando Israel terhadap kapal membawa bantuan kemanusiaan, *Mavi Marmara* yang membunuh sembilan sukarelawan Turki.

Namun, pihak berkuasa Mesir dilaporkan hanya memberi keutamaan kepada warga Palestin yang mempunyai surat pengesahan Kementerian Kesihatan Palestin mendapatkan rawatan susulan di Kaherah untuk keluar menggunakan pintu sempadan Rafah.

Selain itu, warga Palestin tidak dibenarkan keluar secara bebas. Malah, ramai pelajar terkandas di pintu sempadan kerana tidak mendapat kelulusan keluar walaupun dengan tujuan menyambung pelajaran.

Penulis dan rombongan PBSM yang melalui pintu Rafah untuk ke Gaza juga mendapati sukarnya melepasi pintu sempadan dengan pelbagai kerenah birokrasi yang me-

daripada *New Straits Times* dan *TV3* menjadi pemandu pelancongnya jika berkesempatan mengunjungi Malaysia suatu hari nanti.

“Jika berpeluang ke Malaysia anda kena bawa saya ke pantai yang cantik dan ke tempat menarik lain seperti saya bawa anda menjelajah Gaza,” katanya sambil ketawa.

Sobhi pula yang mempunyai rakan warga Gaza yang menuntut di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang berharap suatu hari nanti beliau juga dapat merasa keseronokan berada di Malaysia seperti dilalui sahabatnya itu.

Melalui laman sosial Facebook rakannya, Sobhi menunjukkan gambar percutian sahabatnya di Batu Ferringi dan berharap suatu hari nanti juga dapat ke sana sambil membeli-belah di Queens Bay Mall.

“Saya berharap PBSM akan menjemput kami ke Kuala Lumpur untuk menghadiri sebarang program. Jika saya ke sana, jangan lupa bawa ke Pulau Pinang.


“Sebelum ini, saya pernah merasai pengalaman ke Itali, harap-harap selepas ini dapat pula ke Malaysia melalui jemputan PBSM,” katanya penuh harapan.

Israel sejak bertahun lalu mengenakan kawalan keluar masuk yang ketat bukan saja membabitkan penduduknya, malah barangan keperluan di pintu sempadan Gaza dan kawalan diperketatkan lagi sejak Jun 2007, dengan alasan melemahkan pergerakan Hamas.

Ketika serangan 22 hari tentera Israel terhadap Gaza pada Disember 2008 dan Januari 2009, penduduk wilayah itu yang cedera hanya mampu merayu-rayu di sempadan Rafah menghubungkan Gaza dan Mesir untuk keluar mendapatkan rawatan, namun usaha itu tidak berhasil kerana sempadan tidak langsung dibuka.

Bagaimanapun, pintu Rafah dibuka semula sejak 1 Jun lalu sejurus selepas pihak berkuasa Mesir mendapat tekanan antara-

“*Warga Palestin tidak dibenar keluar secara bebas, malah ramai pelajar terkandas di pintu sempadan kerana tidak mendapat kelulusan keluar walaupun dengan tujuan menyambung pelajaran*”



**SUKARELAWAN PBSM Malaysia berjaya melepasi pintu masuk ke pusat Imigresen Mesir di Rafah selepas menunggu dua jam untuk urusan pasport sebelum ke Gaza.**

peraturan kesabaran untuk menghadapinya. Mana tidaknya, masa kami terbuang kira-kira dua jam menunggu pasport dicap tanpa sebab yang jelas sedangkan urusan itu biasanya mengambil masa beberapa minit.

Kenangan menjejakkan kaki ke bumi Palestin di Gaza adalah pengalaman yang tidak mungkin dapat dilupakan sepanjang hayat. Bagi penulis, peluang melihat penderitaan saudara seagama yang menjadi mangsa penindasan sejak bertahun lamanya amat menyentuh perasaan.

Walaupun lebih seminggu pulang ke tanah air, sehingga kini masih terngiang-ngiang kata-kata seorang penduduk di utara Gaza: “Hidup perlu diteruskan walaupun esok lusa tak tahu apa pula nasib kami, ibu bapa, adik beradik dan saudara mara, sedangkan kami tinggal di tanah sendiri.”